

Keluaran Isnin
22 Februari 2021



KELUARAN KHAS



Sambutan
Ulang Tahun Hari
Kebangsaan Negara
Brunei Darussalam Ke

37
Tahun





منجاياكن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2021



Tingkatkan kesejahteraan rakyat

SEJAK mencapai kemerdekaan 37 tahun lalu, Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mengecapi pembangunan yang pesat dan menikmati kemakmuran serta di antara taraf kehidupan yang tinggi di rantau Asia di mana kemakmuran itu adalah atas keprihatinan serta kebijaksanaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara harus dipertahankan dan setiap usaha perlu digandakan supaya ekonomi negara yang kini masih lagi kuat bergantung pada industri minyak dan gas, hendaklah dipelbagaikan dengan berpaksikan kepada matlamat Wawasan Brunei 2035. Kita tidak seharusnya berpuas hati dengan pembangunan yang telah dicapai bahkan akan terus berusaha supaya negara akan mampu bersaing dengan negara-negara membangun dan maju di dunia.

Lahirkan Generasi Berpendidikan

Wawasan Brunei 2035 menitikberatkan pendidikan rakyat dan penduduk di negara ini agar menghasilkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan secara berterusan menjadi peneraju dalam membangun serta membentuk sumber tenaga manusia bagi mendukung hasrat tersebut.

Walau pun negara berdepan dengan pandemik COVID-19, para tenaga pendidik dan pelajar kini dide dahukan dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Perkara ini menghendaki sekolah perlu dilengkapkan dengan

infrastruktur dan teknologi, dan menyediakan para guru dan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dengan suasana digital.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah strategik untuk mengubah krisis tersebut sebagai peluang membangunkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan modal insan yang berdaya tahan (*resilient*), kreatif dan *future ready*. Secara tidak langsung menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 yang mempunyai definisi pekerjaan yang fleksibel, sukar diramal dan mengutamakan amalan pembelajaran sepanjang hayat.

Selaras dengan keperluan situasi sekarang, penubuhan Educational Technology Centre (EdTech) pada tahun 2019 turut mendukung penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan pelajar yang cekik digital.

Dengan komitmen Kementerian Pendidikan tersebut sudah setentunya menyokong transformasi negara untuk bukan sahaja mempunyai ekonomi yang berdaya saing, dinamik, kompetitif dan mampu tetapi mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi bagi merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Kualiti Kehidupan Tinggi

Bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini agar terus menikmati kehidupan yang berkualiti tinggi, pihak kerajaan akan terus berusaha merancang dan melaksanakan projek-projek bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan infrastruktur mengikut keperluan dan keutamaan antaranya menyediakan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN).

Beberapa projek dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) tersebut ialah RPN Kampung Lugu Fasa 2 yang akan dibina di atas tapak seluas 165 hektar. Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) ini akan membangunkan 1,000 buah rumah berserta dengan kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan raya yang berharga lebih BND108 juta.

Di samping itu, beberapa projek perumahan bakal dilaksanakan termasuk projek pembinaan kira-kira 750 unit rumah teres di RPN Kampung Tanah Jambu Fasa 7; membaik pulih dan menyiapkan 140 unit teres di RPN Kampung

Rimba dan memperuntukkan 254 unit rumah teres di RPN Kampung Bukit Berung, Tutong yang dijangka siap dalam masa terdekat.

Pada tahun 2020, sebanyak 10 unit rumah teres di RPN Kampung Rimba dibaik pulih dan telah pun diundi dan diperuntukkan kepada pemohon Skim Perumahan Negara (SPN) yang berkelayakan. Sementara sebanyak 20 unit rumah teres di RPN Kampung Bukit Beruang juga telah diundi dan diperuntukkan.

Dengan adanya projek-projek seumpama ini, ia akan memberikan peluang kepada permohonan yang berkelayakan untuk memiliki sebuah rumah tempat berteduh dan untuk menjalani kehidupan dengan selesa.

Memperkasa Sektor Pertanian dan Agrimakanan

Meskipun NBD belum mencapai tahap 100 peratus keupayaan sara diri, namun sektor pertanian dan agrimakanan menunjukkan pencapaian agak memberangsangkan.

Menurut Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sempena meraikan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) menjelaskan bahawa keluaran kasar sektor pertanian secara keseluruhan sehingga Julai 2020, negara mencatatkan nilai keluaran berjumlah BND244.63 juta dengan pecahan sumbangan sektor penternakan sebanyak BND144.94 juta, tanaman BND31.05 juta dan agrimakanan sebanyak BND68.63 juta.

Sementara itu, berdasarkan data pada tahun 2019, negara sudah pun mencapai hampir 100 peratus sara diri dalam bekalan ayam pedaging dan 100 peratus sara diri bagi telur ayam. Manakala 88 peratus sara diri bagi bekalan sayur-sayuran tropika, 40 peratus sara diri bagi bekalan buah-buahan jenis tropika dan sekitar 5 peratus sara diri bagi padi (beras) negara.

Sementara inisiatif lain yang sedang dimajukan dan dikembangkan ialah inisiatif Perladangan Berkontrak dan Pemadanan Pemasaran (Market Matching) yang bertujuan untuk mempermudah akses pasaran dan memastikan peladang-peladang akan dapat menjual hasil ladang mereka melalui kontrak jangka panjang dengan pengusaha-pengusaha utama, pasar raya, pemborong, pengendali restoran, perkhidmatan penyajian makanan dan

hotel-hotel tempatan di negara ini.

Selain itu, Program Pasar Kitani buat julung kalinya diperkenalkan pada tahun 2020 sebagai satu usaha bagi menyediakan kemudahan tempat bermula alternatif kepada peladang atau pengusaha tempatan untuk mempromosi hasil ladang mereka secara jualan langsung kepada pengguna pada setiap hujung minggu.

Dengan adanya peningkatan dan pembangunan dalam sektor tersebut nescaya ia dihasratkan akan mendorong menggalakkan penyertaan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan meningkatkan akses pasaran eksport.

Belia Mekanisme Pembangunan Negara

Bagi mendukung pembangunan ekonomi negara yang *sustainable* dalam jangka masa panjang, tumpuan turut diberikan kepada membina kapasiti dan modal insan terutamanya dalam kalangan belia di negara ini.

Selaras dengan keutamaan tersebut, pihak kerajaan akan sentiasa berusaha meningkatkan tahap kualiti pendidikan dan latihan bagi belia di negara ini. Pendidikan cemerlang mampu memberi peluang kepada belia untuk meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang secara aktif dan positif kepada pembangunan negara selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Bagi membina kapasiti para belia secara holistik, usaha juga ditumpukan kepada penerapan program-program jati diri dan latihan kemahiran bagi belia sesuai dengan keperluan masa kini dengan pengendalian Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Dengan pelbagai inisiatif dan program-program menjurus ke arah pembangunan belia oleh pihak kerajaan adalah semata-mata dihasratkan untuk meningkatkan keupayaan para belia tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Kesimpulan

Setiap usaha yang dilaksanakan pihak kerajaan pastinya akan memberi impak positif ke arah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang lebih mampu dan dinamik. Di samping itu, menyumbang kepada pembangunan sosial, mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk. Kesemua usaha-usaha kerajaan ini adalah bagi memastikan matlamat Wawasan Brunei 2035 akan tercapai.

Perkhidmatan kesihatan komprehensif untuk kesejahteraan semua



KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan secara berterusan akan meningkatkan dan memantapkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di negara ini melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan mudah diperoleh. Ini adalah selaras dengan visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arahan Warga Sihat' dalam mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Tumpuan juga turut diberikan bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan, kebersihan dan amalan kepada konsep pencegahan lebih baik daripada perawatan.

Projek Sektor Perubatan dan Kesihatan

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan infrastruktur kesihatan, kemudahan bagi rawatan dan mempertingkatkan penggunaan teknologi-teknologi baharu. Blok Perempuan dan Kanak-Kanak RIPAS yang telah siap dilaksanakan pada 30 September 2014 untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perawatan bagi wanita dan kanak-kanak.

Beberapa buah

pusat kesihatan juga telah dibina bagi kemudahan orang awam mendapatkan rawatan seperti Pusat-pusat Kesihatan di keempat-empat daerah bagi memudahkan penduduk di kawasan tersebut dan sekitarnya mendapatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lebih selesa dan efisien.

Bagi memastikan ubat-ubatan farmaseutikal dan *medical sundries* sentiasa dalam keadaan selamat dan terkawal, kerajaan telah membina Bangunan Stor Perubatan dan Kesihatan Negara. Bangunan yang siap pada 2016 dilengkapi dengan peralatan-peralatan khusus bagi memastikan ketahanan dan kualiti ubat-ubatan sentiasa terjamin.

Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan sebuah Makmal Virologi Tambahan dibina yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan. Makmal Virologi Tambahan ini dibina sebagai usaha menambah kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi COVID-19 di negara ini. Bangunan tambahan tersebut mempunyai empat buah bilik utama iaitu makmal penerimaan contoh, makmal memproses contoh, makmal penyediaan *reagent* dan

makmal *amplification*.

Begitu juga dengan Pusat Pengasingan Kebangsaan (National Isolation Centre - NIC) yang baharu, siap dibina pada 23 April 2020. Usaha pembinaan bangunan tersebut adalah respons daripada pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam menampung rawatan dan pemantauan pesakit-pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19 di negara ini. Bangunan di atas tapak berukuran 6,000 meter persegi tersebut bermula pada 27 Mac 2020 lalu, berdekatan bangunan NIC yang ada sekarang.

Penyediaan talian Hotline - 148 yang dapat dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut dan perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Penyediaan

Self Assessment Tool healthinfo.gov.bn

membantu individu untuk membuat penilaian jika mereka menghidap simptom-simptom COVID-19 dan usaha untuk menghasilkan masa sebenar ataupun *real - time Government dashboard*.

Inisiatif Kesihatan

Bagi melaraskan dan menyokong penuh Wawasan Brunei 2035 khususnya dalam mencapai matlamat meningkatkan kualiti hidup rakyat, Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan Sistem Kesihatan dan Pelan Induk Infrastruktur Brunei Darussalam, di mana merupakan pelan komprehensif yang bertindak sebagai panduan untuk melaksanakan langkah-langkah strategik untuk meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan negara di Abad Ke-21 ini. Penggunaan ICT dalam sistem penjagaan kesihatan juga telah dilaksanakan seperti menguatkasakan dasar untuk mewajibkan penggunaan Sistem Elektronik Rekod Pesakit (Bru-HIMS) di semua pusat kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan bagi pemohon yang ingin mendaftar Bru-HIMS secara atas talian atau di kaunter.

Program NHSP

Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSP) - Program Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSP) merupakan program saringan kesihatan di seluruh negara, dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, bagi mengesan dan mencegah penyakit tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, *diabetes mellitus*, kolesterol tinggi dan kanser, dan seterusnya membolehkan rawatan awal dan berkesan penyakit-penyakit ini.

Perkhidmatan EDCP dan PJSC

Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser (EDCP) di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) sebagai usaha mengurangkan beban kanser di Negara Brunei Darussalam



منجاياكن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2021

dan menggalakkan pengesanan kanser di tahap yang lebih awal. Perkhidmatan EDCP merupakan perkhidmatan yang baharu ditubuhkan di bawah Pusat Kanser Brunei (TBCC), PJSC dengan misi untuk mengurangkan beban kanser di negara ini termasuklah kelewatan pengesanan kanser.

Demensia

Perkhidmatan perubatan geriatrik melalui perkhidmatan *in-patient* dan *out-patient* yang disediakan di hospital-hospital kerajaan, perkhidmatan komuniti atau masyarakat seperti *home-based nursing*, *geriatric and palliative nurse community visit*, *palliative help line* (talian bantuan paliatif) dan juga, perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Amal Cerah Sejahtera (PACS) bertempat di Kampung Subok, Daerah Brunei dan Muara, yang berfungsi sebagai pusat rehabilitasi bagi pesakit-pesakit warga emas untuk mendapatkan rawatan kesinambungan selepas keluar dari hospital.

Perkhidmatan Pergigian Untuk Orang Awam

Perkhidmatan Penjagaan Mulut Asasi dengan pemedulian awal penjagaan kesihatan mulut serta memberikan nasihat dan rawatan asas untuk mencapai kesihatan mulut yang lebih baik. Ini termasuk pemeriksaan rutin, nasihat higien / kebersihan mulut, melegakan sakit / Bengkak, cabutan gigi, pembersihan gigi dan juga penambalan gigi.

Pusat Promosi Kesihatan

Ke arah memperkasakan orang ramai ke arah kehidupan sihat, Pusat Promosi Kesihatan (HPC) bercita-cita untuk memperkasakan rakyat Brunei supaya sihat dan cergas dengan meningkatkan tahap kesedaran, pengetahuan dan kefahaman mengenai hal-hal kesihatan terutamanya penyakit berkaitan gaya hidup dan pencegahan penyakit tidak berjangkit.

HPC juga berfungsi sebagai pusat sumber untuk membolehkan orang ramai memperoleh maklumat, kemahiran dan alat untuk menguruskan kesihatan mereka. Selain itu HPC juga berfungsi sebagai pusat jangkauan komuniti dengan tumpuan khusus untuk menyediakan program dan aktiviti pendidikan kesihatan untuk belia, orang dewasa dan warga tua di negara ini.

Perkhidmatan kesihatan di negara ini berusaha memberikan yang terbaik untuk memastikan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini pada tahap maksima. Semua inisiatif dan perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah untuk menuju visi 'Ke Arahan Warga Sihat'.





BELIA merupakan generasi penerus bagi sesebuah negara. Belia juga merupakan tonggak dan tulang belakang dalam membangun dan memajukan, seterusnya memastikan kemakmuran, kesejahteraan juga keharmonian negara sentiasa berterusan, selain memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

Apabila sesebuah negara tidak mempunyai belia yang kuat, apa akan terjadi pada masa depan negara berkenaan? Jawapan bagi persoalan berkenaan tertakluk kepada rasa tanggungjawab dan integriti belia berkenaan kepada diri mereka sendiri, seterusnya kepada agama, bangsa dan negaranya.

Apabila belia sesebuah negara mempunyai jati diri yang mantap, pegangan yang kuat, kewibawaan, rasa tanggungjawab dan integriti yang tinggi kepada masa depan mereka sendiri, seterusnya kepada agama, bangsa dan negaranya, walau di mana bumi mereka pijak, langit pasti dijunjung dan walau negara sendiri dilanda hujan batu dan negara orang dilanda hujan emas, pasti pilihan tetap kepada negara sendiri.

Semua belia perlu memahami akan maksud yang dihasrat dalam memastikan pakaian kita selaku rakyat dan penduduk negara adalah berlandaskan Melayu Islam Beraja (MIB), kita berkembang, membangun dan maju bercalakkan MIB. Bertunjangkan MIB dalam kehidupan, berdasarkan MIB dalam pentadbiran, berpakaian MIB dalam perjalanan sehari-hari, ideologi turun temurun warisan lebih 600 tahun, bukan sekadar kata-kata atau mainan.

Menurut Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Negara Brunei Darussalam (NBD), antara tanggungjawab belia adalah taat kepada Allah, setia kepada raja dan cinta kepada negara; menghormati keperluan dan hak orang lain juga warga tua; dan hidup juga bertindak mengikut uagma dan kebudayaan, selaras dengan kehendak perlembagaan negara.

Selain itu, belia menurut KKBS juga perlu bertindak jujur dan boleh dipercayai; memikul tanggungjawab peribadi bagi memelihara dan memperkembangkan kesihatan, pendidikan, kemahiran juga kualiti peribadi; memikul tanggungjawab peribadi kepada keluarga dan masyarakat; menyumbangkan secara aktif kepada

kekukuhan dan kesepadan masyarakat juga keamanan dan kesejahteraan negara keseluruhannya; juga mempertahankan kesucian ugama Islam, menghayati ajaran-ajaran dan celik Al-Quran.

Antara objektif dasar belia menurut KKBS adalah mendukung Islam sebagai ugama rasmi dan menjadikannya satu cara hidup yang lengkap; juga Menyumbang kepada ekonomi, kebudayaan dan masyarakat yang kukuh dan berlanjutan; dan sebagainya.

Dalam hal ini, pihak kerajaan telah memperkenalkan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) sebagai program rintis pertama pada tahun 2011, seperti yang terkandung dalam Dasar Belia Negara, iaitu bagi 'Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang' yang dibentuk dalam 'calak Brunei', di mana ia menggabungkan dua aspek berkenaan, iaitu pembinaan jati diri belia Brunei yang cemerlang dan memasukkan komponen fizikal juga disiplin yang akan dijalani oleh para pelatih PKBN semasa penempatan latihan dalam Kem Latihan PKBN.

Para pelatih PKBN menjalani latihan pembentukan jati diri melalui beberapa proses pendidikan, pendedahan dan latihan disiplin juga fizikal, berpanduan dan berteraskan falsafah negara, MIB. Para pelatih PKBN diharap dapat berbakti kepada negara dan melahirkan individu-individu yang berbakti kepada negara.

Setiap belia mempunyai potensi dan kebolehan tertentu, di mana potensi berkenaan jika dipupuk akan membawa keupayaan juga kepakaran yang tinggi, namun apa yang penting adalah bakat dan cara mereka berfikir atau bertindak hendaknya dipergunakan bagi kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Sudah tiba masanya untuk kita menuai hasil daripada pelaburan dalam PKBN. Dengan moto Bersedia, Berkhidmat dan Berbakti, para pelatih PKBN sudah sewajarnya menunjukkan kepada kita, bahawa mereka itu memang benar-benar berkebolehan dan kreatif. Inilah cabaran besar untuk mereka.

"Perlu diingat, satu peranan asasi mereka ialah memikul kerja-kerja sukarela. Selaku sukarelawan, mereka pada bila-bila masa, perlu bersedia untuk menyumbangkan khidmat, sama ada dalam keadaan biasa mahupun lebih-lebih lagi ketika berlaku musibah.

"Inilah 'dasar belia' kita. Dasar ini perlu mantap untuk menjamin ketulusan dan kecekapan dalam berkhidmat.

"Pihak berkenaan perlu menekankan perkara ini, sehingga ia benar-benar difahami dan dipegang kuat oleh para pelatih. Jika dasar tidak difahami dan dihayati, semua khidmat akan

boleh jadi, seperti timbul tenggelam. Jika ada mood baik, baru orang buat, semestinya kalau mood tidak baik, orang tidak akan buat.

"Kerana itu sangat perlu, supaya dasar atau konsep itu diperkuuh. Adapun dasar atau konsep sukarela, sifatnya adalah luhur dan dinamik, ia tidak boleh dibayangi oleh sifat jemu atau malas. Inilah peranan dasar itu.

"Para pelatih PKBN perlu diikat dalam satu ikatan. Ikatan itu ialah 'dasar' bagi organisasi. Ia boleh dijelaskan melalui apa juar termaktub dalam perlembagaan atau peraturan, dan juga boleh dilihat pada logo umpamanya. Semua ini dengan tujuan untuk memotivasi para sukarelawan supaya tetap komited dengan khidmat kepada masyarakat dan negara.

"Beta amat optimis dengan kaum belia pada hari ini, dari sudut, mereka itu suka melakukan kerja-kerja amal dalam pelbagai bidang. Begitu juga kaum belia dikenali sebagai suka

berpersatuhan.

"Kecenderungan seperti ini sangatlah bagus untuk diteruskan. Kerana berkumpul dan berinteraksi sesama belia boleh mencetuskan idea-idea besar dan baru yang sangat berfaedah.

"...Di luar jangkauan latihan adalah diharapkan, bahawa alam Kem PKBN akan terus menerus menjadi tenaga, kekuatan atau Force yang digalati," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Keenam pada Isnin, 14 Jamadilakhir 1438H bersamaan 13 Mac 2017M.



Belia calak MIB harapan bangsa





منجاياكن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2021

Memperkasa pendidikan Islam dalam memenuhi aspirasi Negara Zikir

SETELAH 37 tahun menyambut Hari kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, pelbagai kejayaan, kemajuan dan perkembangan telah dicapai.

Alhamdulillah, di bawah pemerintahan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta hasrat baginda menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara berteraskan konsep serta falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir, maka pelbagai kemajuan dalam bidang pendidikan terutama sekali pendidikan agama Islam dititikberatkan yang menunjukkan komitmen berterusan baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur dan berpaksikan ajaran agama Islam yang suci menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012 dilaksanakan bagi mengukuhkan penghayatan beragama di negara ini.

"Maka dengan kemahiran beta sendiri, satu undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012. Undang-undang ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Dengan berjalannya undang-undang ini, InsyaaAllah, tidaklah akan ada lagi kanak-kanak Islam di negara ini yang akan tercincir dari memahami dan mengetahui ilmu asas Pendidikan Islam. Tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Quran," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433H bersamaan 2012M.

Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012 juga bertitik tolak daripada Perlumbaan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 1959 yang menyatakan 'Islam Sebagai Agama Rasmi Negara'. Perkara ini diperkuuhkan lagi dengan pengisytiharan detik kemerdekaan pada 1 Januari 1984 iaitu 'Islam Sebagai Cara Hidup'.

Ke arah itu, melalui Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012 mewajibkan bagi setiap kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun ke atas sehingga umur 15 tahun yang tinggal di negara ini untuk didaftarkan dalam pendidikan agama prasekolah dan sekolah rendah.

Perintah ini adalah satu kejayaan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam merealisasikan pendidikan Islam di negara ini.

Malah bukan itu sahaja, pelaksanaan perintah ini menepati hasrat negara untuk menerapkan dasar pendidikan akademik yang diimbangi dan diperkuuhkan dengan mewajibkan setiap murid dan pelajar yang beragama Islam untuk mengikuti pendidikan sekolah agama di samping sekolah biasa.

Perkara ini pernah ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda, "Lagi

sangat perlu diperhatikan, bahawa dalam pendidikan itu terdapat dua unsur, Uagma dan Umum. Orang-orang sering lupa dan malah terlajak mengutamakan yang Umum sahaja, sehingga tertinggal atau tercincir ugama.

"Dalam hubungan ini, Brunei sendiri turut mengalami sindrom 'lupa' itu dengan membiarkan dirinya tidak mempunyai sistem persekolahan 'Wajib Ugama' selama kira-kira 50 tahun, suatu ketelanjuran yang amat dikesalkan," titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433H bersamaan 2012M.

Kesinambungan pendidikan ugama juga diteruskan di peringkat pengajian tinggi. Mercu kegemilangan pendidikan Islam di negara ini dapat dilihat melalui penubuhan sekolah-sekolah ugama, sekolah-sekolah Arab di ke empat-empat Daerah yang melahirkan murid-murid soleh dan hebat dalam menguasai tiga bahasa, iaitu Arab, Melayu dan Inggeris, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan pada 1 Januari 1993 merupakan sebuah institusi pengajian peringkat menengah dan Diploma yang menghubungkan penghafalan Al-Quran sebagai dasar dan teras dengan pengajian serta pembelajaran ilmu-ilmu Al-Quran dan beberapa mata pelajaran lain, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ditubuhkan pada Awal Tahun Baharu Hijrah 1428 bersamaan 20 Januari 2007 yang dihasilkan menjadi sebuah institusi perguruan ugama yang unggul, iaitu berikutnya pengisytiharan Kebawah DYMM dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1428 dan

tertubuhnya sebuah universiti pengajian Islam tulen, iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 1 Januari 2007.

Bagi masyarakat awam, pendidikan ugama disalurkan melalui Kelas Bimbingan Ugama, bengkel-bengkel dan kursus-kursus dan diperkasakan lagi dengan penubuhan kumpulan Belia Masjid dan Muslimah Masjid. Pengukuhan kefaamanan Islam juga disalurkan menerusi pendidikan yang diberikan melalui saluran media elektronik dan cetak.

Pendidikan Ugama juga diberikan kepada saudara-saudara baharu menerusi bimbingan-bimbingan yang diberikan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan mereka dapat menghayati ajaran Islam dengan lebih baik dan berkesan.

Pendidikan Islam yang juga amat penting untuk diajarkan kepada anak-anak ialah Al-Quran. Walaupun anak-anak diajar membaca Al-Quran di sekolah-sekolah, namun terdapat juga sejumlah anak-anak masih belum dapat menguasainya. Oleh itu para ibu bapa hendaklah mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut antaranya ibu bapa itu sendiri yang mengajar anak-anak mereka mengaji di rumah atau menghantar anak mereka untuk belajar mengaji di masjid-masjid, sekolah-sekolah swasta yang khas untuk belajar mengaji Al-Quran.

Hasil penerapan pendidikan Islam kepada setiap ahli masyarakat yang merangkumi sistem persekolahan agama, bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat universiti merupakan strategi penting bagi memantapkan hasrat Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Kekuatan dan kemantapan Negara Zikir bergantung kepada setakat mana individu dan masyarakat memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan berkesan. Ini tidak syak lagi akan mampu melahirkan insan yang beriman dan bertakwa.



WARGA emas merupakan aset berharga kerana mereka ini kaya dengan pengalaman dan mempunyai sumber pengetahuan yang dapat dimanfaatkan oleh generasi muda sebagai panduan cara hidup. Di Negara Brunei Darussalam, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga seluruh lapisan masyarakat sangat mengambil berat dan mengutamakan tanggungjawab sosial dalam memastikan penjagaan kesihatan juga kebajikan, khususnya bagi golongan yang berisiko tinggi, termasuk warga emas, demi memastikan golongan ini akan sentiasa dipeduli dan tidak akan ketinggalan.

Dalam perutusan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin sempena Hari Antarabangsa Warga Emas 2020 menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada proses penuaan dalam kalangan penduduknya. Menurut data terkini, golongan berumur 60 tahun ke atas merangkumi 8.4 peratus daripada jumlah penduduk (38,500 dari 459,500) pada tahun 2019, berbanding dengan 7.4 peratus (30,500 dari 411,900) pada tahun 2014, dan ini dianggarkan akan meningkat ke 28.7 peratus pada tahun 2050. Ini menunjukkan peningkatan bagi jumlah keramaian bagi warga emas pada masa akan datang.

Ke arah itu, kita turut menghargai dan sangat mengalu-alukan usaha-usaha daripada pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sukarelawan untuk meningkatkan kesedaran terhadap cabaran-cabaran khusus yang boleh menjelaskan kesihatan dan menimpa kesejahteraan



Kesejahteraan warga emas sentiasa diutamakan

golongan warga emas.

Walaupun Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada kesan jangkitan wabak COVID-19, kita amat berbangga golongan warga emas di seluruh negara juga turut mempraktikkan dan menyesuaikan keadaan terhadap norma-norma baharu juga terus mencatatkan pencapaian-pencapaian yang signifikan sepanjang tahun ini dalam pelbagai bidang.

Antara pencapaian yang dimaksudkan ialah penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang baharu, di Daerah Temburong dan Daerah Belait pada tahun lepas. Dengan tertubuhnya PKWE ini, ia diharap akan dapat memenuhi keperluan warga emas sekali gus menikmati kehidupan yang aktif serta dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan program yang bersesuaian dengan warga emas. Dalam masa yang sama, ia juga diharap akan dapat menarik penglibatan pihak belia dan peringkat masyarakat sekeliling khususnya dalam kegiatan sosial yang berkebajikan ke arah masyarakat yang bersepadu dan berpengetahuan.

Selain itu, peningkatan usaha perlindungan dan pemerkasaan sosial selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas, di mana sikap proaktif, komitmen tinggi dan kerjasama padu daripada semua pihak, khususnya PKWE, pertubuhan dan persatuan warga emas terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan tersebut, turut sama menyumbangkan juga memberikan impak yang dihasratkan dan Pelaksanaan aktiviti-aktiviti bermanfaat di peringkat kementerian, persatuan, sukarelawan dan individu ke arah kemajuan dan inklusiviti

golongan warga emas secara Whole of Nation.

Bagi mengelakkan warga emas ini tidak ketinggalan dalam teknologi, pengenalan aplikasi BruHealth membolehkan pihak berwajib untuk memantau warga emas dengan memanfaatkan teknologi digital, sekali gus ia telah memberikan akses dan menjadikan penghubung warga emas kepada masyarakat melalui penggunaan teknologi terkini dalam usaha memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Jika dilihat dari aspek perlindungan sosial, usaha, seperti pembayaran Pencen Umur Tua melalui Online Banking diperkenalkan sebagai kaedah alternatif oleh pihak kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan sosial dengan menghindari sebarang risiko jangkitan kepada warga emas.

Di samping itu, dengan Pelancaran Sistem Kebajikan Negara pada tahun lepas, ia merupakan platform yang juga akan memudahkan akses permohonan bagi warga emas serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai ekosistem bantuan di negara ini dengan telus, jelas serta tidak ada ketirisan dan keciciran terhadap bantuan-bantuan yang diagihkan.

Selain itu, pihak kerajaan juga memperkenalkan bantuan secara *in-kind*, iaitu lampin pakai buang dan susu kepada golongan warga emas yang tertentu dengan tujuan untuk membantu ahli-ahli keluarga yang menjaga warga emas yang uzur, menurut garis pandu yang ditetapkan. Melalui pendekatan ini, Jabatan Pembangunan Masyarakat

jugalah terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan juga sukarelawan untuk meningkatkan skop Projek Memeduli Warga Emas, iaitu inisiatif untuk memeduli, mengenal pasti dan melaksanakan pemeriksaan kesihatan untuk warga emas secara berterusan.

Untuk menjamin kesejahteraan warga emas, masyarakat berperanan dalam memberikan galakan dan sokongan dalam memperkasa golongan ini untuk lebih bergiat aktif dan menonjolkan diri dengan menjalani kehidupan sihat secara fizikal dan mental. Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Persatuan Orang Kurang Pendengaran mengadakan Bengkel Asas Bahasa Isyarat.

Bahasa Isyarat merupakan cara menyampaikan kata dan ayat yang dilakukan dengan gerakan tangan juga ekspresi yang perlu dipelajari secara meluas kerana ia boleh membantu merapatkan jurang komunikasi di antara masyarakat dan OKU Pendengaran dalam mengongsikan maklumat, ilmu, pendapat juga bagi memahami secara mendalam, sekali gus menjaga kesejahteraan golongan berkenaan.

Akhirnya, marilah kita sama-sama marilah kita berganding bahu dan berusaha dalam menghargai pengorbanan dan sumbangan warga emas. Setentunya, warga emas adalah tidak terbanding nilainya dalam memastikan kesejahteraan keluarga, yang akan menyumbang ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara, dan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.



NBD terus melestari hubungan dengan dunia antarabangsa

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) sentiasa menjaga dan memelihara hubungannya dengan negara-negara sahabat, terutamanya dengan negara-negara jiran dan antarabangsa.

Malaham hubungan pelbagai hala dan juga dua hala tersebut semakin erat dan meningkat dari setahun ke setahun. Semua ini, adalah kerana dasar luar negara yang berprinsip lagi pragmatik.

Negara akan terus mengamalkan dasar saling hormat-menghormati tidak campur tangan dan penyelesaian konflik secara aman, serta bekerjasama bagi kebaikan semua pihak.

Keahlian negara dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa juga memperlihatkan usaha sama negara dalam mendukung komitmen-komitmen antarabangsa.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Peringkat Tinggi sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), bertempat di Istana Nurul Iman, Negara Brunei Darussalam mengulangi ikrar untuk terus bekerjasama dengan dan Ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang lain dan melaksanakan komitmen dan tanggungjawabnya bagi memastikan penduduk dunia dapat terus hidup dalam keadaan aman serta menikmati pembangunan dan kemajuan.

Pada mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah menekankan akan perlunya para ahli untuk terus berusaha menjadikan PBB lebih baik, lebih menjimatkan kos dan mempunyai lebih kuasa bagi mendukung multilateralisme dan *order* dunia yang berdasarkan peraturan perundangan sejagat dalam memastikan pertubuhan kekal relevan untuk semua.

Pada tahun ini, NBD akan menjadi Pengurus kepada mesyuarat di peringkat ASEAN yang membawa Tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'. Tema tersebut memfokuskan kepada hal ehwal kesejahteraan rakyat ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah pada Tahun Baharu 2021 menekankan, Negara Brunei Darussalam sendiri mesti seiring dengan rakan-rakan membuat perubahan, dengan sistem negara, ekonomi, pendidikan dan keselamatan diperkuatkan sebagaimana merujuk kepada Blueprint-Blueprint, Pelan-Pelan Induk dan Pelan-Pelan Strategik yang dikeluarkan, sama ada di peringkat kementerian mahupun nasional.

Sebagai Pengurus pada tahun 2021, NBD akan mengetengahkan tiga keutamaan yang diilhamkan oleh sejarah pembangunan ASEAN iaitu pertama, keprihatinan terhadap penduduk dan kesejahteraan masing-masing. Kedua, bersedia untuk peluang dan cabaran masa hadapan. Ketiga, bersama menuju kemakmuran sebagai sebuah rantau yang bersatu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah pada Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan



Penyerahan Pengurus ASEAN kepada Negara Brunei Darussalam, secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman turut menekankan Negara Brunei Darussalam akan terus memajukan usaha-usaha pemulihan serantau dan pembangunan masyarakat.

NBD juga menandatangani Perjanjian Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) yang akan membuka peluang baharu dan meningkatkan lagi pertalian ekonomi di antara negara-negara peserta.

Baginda juga percaya RCEP akan menjadi pemacu pertumbuhan yang akan membentuk landskap ekonomi serantau pada masa akan datang.

Ke arah melestarikan hubungan antarabangsa, NBD juga menggalakkan ASEAN dan PBB untuk bekerjasama melalui U.N. Alliance of Civilisations dalam menegakkan budaya keamanan dan dialog juga meningkatkan kepercayaan dan kesefahaman, sebagai tindak balas kepada sikap tidak

bertoleransi terhadap bangsa juga ugama yang semakin meningkat.


Negara juga terus memperkuatkan hubungan dua hala dengan negara jiran dan juga negara sahabat serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa, termasuk perkongsian pengalaman dalam menangani pandemik COVID-19.

Bahkan belia negara ini juga diseru untuk berkongsi idea dan pengetahuan mereka serta membina persahabatan dengan dunia antarabangsa seperti Program Pertukaran Belia Brunei-Korea 2020 (Brunei Darussalam and Republic of Korea Intergovernmental Youth Exchange Program 2020) yang diadakan secara *virtual* ke arah membangun generasi belia yang celik IT - Digital Native dan memperkuatkan hubungan yang sedia ada dengan Republik Korea serta memberikan peluang kepada para

peserta untuk berkongsi idea dan pengetahuan mereka serta membina persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Meskipun dunia kini diuji dengan ancaman-ancaman baharu terhadap kehidupan manusia, seperti perubahan iklim dan pandemik COVID-19 namun negara akan terus berkerjasama dan berusaha memperoleh kesepakatan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam memastikan rakyat terus hidup dalam keadaan aman dan menikmati pembangunan serta kemajuan.

Perkasa pelancongan domestik



BERIKUTAN dengan situasi pandemik COVID-19 yang masih melanda dunia ketika ini dengan peningkatan kes-kes baharu menjadikan satu cabaran, sememangnya sesuatu yang belum pernah dialami sebelum ini sehingga mendorong pelbagai usaha khususnya pakar-pakar perubatan dalam menyediakan vaksin bagi mencegah penyakit tersebut.

Situasi tersebut tidak terkecuali melanda Negara Brunei Darussalam, di mana pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan tanpa henti dan berterusan berusaha bagi membendung penularan wabak tersebut di negara ini.

Pelbagai usaha dan pembentukan norma baharu diterapkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan sosioekonomi masyarakat dan negara tidak terus dibebani berikutnya

pandemik tersebut, perkara tersebut tidak terkecuali dalam bidang industri pelancongan negara.

Sebagaimana yang kita ketahui, COVID-19 telah menyebabkan industri pelancongan di seluruh negara terjejas dan mengalami kemerosotan namun itu tidak bererti industri pelancongan terhenti begitu sahaja, pelbagai inisiatif yang dapat dibangunkan bagi memperkembangkan lagi industri tersebut.

Kebanyakan negara di seluruh dunia memanfaatkan destinasi menarik mereka (Pelancongan Domestik) bagi melepaskan kerinduan khususnya bagi mereka yang gemar melancong.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali untuk memanfaatkan pelancongan di dalam negara yang sememangnya sama menarik sebagaimana di luar negara.

Dengan adanya inisiatif melancong di dalam negara ini, sedikit sebanyak dapat membantu khususnya industri pelancongan terus bertahan malah lebih berkembang.

Tidak dinafikan, sejak kebelakangan ini, tempahan daripada orang ramai untuk menginap di hotel-hotel semakin tinggi malah pihak kerajaan khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) terus bekerjasama dengan agensi-agensi swasta bagi sama-sama meningkatkan lagi

pelancongan tempatan.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, kita selaku rakyat dan penduduk perlu sama-sama mendukung dan membantu merealisasikan lagi Wawasan Brunei 2035.

Semenjak berlakunya penularan COVID-19, kebanyakan penduduk tempatan mengambil inisiatif 'Staycation' sebagai salah satu ke arah untuk melancong di dalam lingkungan kawasan tempat tinggal yang mempunyai kawasan menarik untuk berhibur dan beriadah.

Terdapat banyak kepentingan yang diperoleh melalui perkembangan industri pelancongan tempatan khususnya dalam aspek kebudayaan, kemasyarakatan, alam sekitar dan perekonomian.

Dari segi aspek kebudayaan dan kemasyarakatan, pelancongan domestik mampu mempertahankan budaya dan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat tempatan sebagaimana yang ditawarkan oleh Darussalam Holding Sdn. Bhd. dalam pakej-pakej pelancongan mereka termasuk lawatan ke Majlis-majlis Perundingan Kampung di keempat-empat daerah.

KSSUP tidak lama dahulu juga telah merasmikan Kempen Pelancongan Domestik yang baharu iaitu 'Selera Bruneiku' dan Nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Pelancongan, menawarkan pelbagai pakej pelancongan domestik dari keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, Pelancongan Komuniti juga

turut diperkenalkan di Daerah Tutong yang diperkenalkan oleh Badan Kemajuan dan Kreatif (BKK) di mana badan ini berperanan penting dalam menawarkan Pakej-Pakej Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community Base Tourism - CBT) melalui Pusat Informasi Pelancongan dan Galeri Destinasi Tutong.

Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga telah memperkenalkan Taman Riadah Bukit Kindana yang terletak di kampung tersebut sekali gus menarik lagi lebih ramai pengunjung malah memperkenalkan lagi kawasan tersebut kepada orang ramai khususnya penduduk di negara ini.

Sejak tahun 2020, pelbagai aspek baharu dapat kita saksikan sendiri dan penerapan ideologi yang mantap dalam memperluaskan pelancongan domestik, sebagai contoh terbaik, pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien menuju ke Daerah Temburong telah membuka dan memperkenalkan lagi destinasi-destinasi menarik 'Permata Hijau' itu kepada orang ramai khususnya dari luar daerah.

Orang ramai berasakan satu pengalaman baharu untuk dinikmati seperti keindahan alam semula jadi yang menghijau dan terpelihara. Antara tarikan menarik yang sering dikunjungi orang ramai adalah Batang Duri, Kampung Selapon dan Taman Negara Ulu Temburong di mana pelancongan seperti ini adalah penting bagi sama-sama memelihara akan kehijauan hutan negara.

Seterusnya, dalam usaha mengembangkan lagi industri pelancongan di negara ini, pelbagai pihak perlu bekerjasama dalam memastikan ia menepati sasaran dan keberkesanannya iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak dari swasta.

Dengan adanya usaha dari pihak kerajaan dan swasta setentunya akan memberikan ruang yang lebih banyak khususnya dalam bidang pekerjaan, individu berkemahiran dalam memberikan ideologi dalam menghasilkan buah fikiran bagaimana untuk memajukan lagi bidang pelancongan dan banyak lagi khususnya kepada anak-anak tempatan.

Dalam usaha untuk memperkembangkan lagi industri pelancongan domestik tersebut, tidak dinafikan juga, pengusaha-pengusaha akan berdepan dengan pelbagai cabaran dan situasi. Antara cabaran yang lazim dialami adalah sambutan yang kurang menggalakkan malah tidak dikenali, kekurangan tenaga dan pakar dalam bidang hospitaliti dan sebagainya.

Perlu diingat, setiap cabaran itu lazimnya membuatkan kita lebih baik, kerana dengan bantuan pihak kerajaan iaitu dalam usaha pihak KSSUP, Kementerian Pendidikan dan banyak lagi khususnya belia-belia muda lepasan IBTE dalam bidang hospitaliti mempunyai kepakaran dan ilmu yang meluas dalam bidang pelancongan, sedikit sebanyak akan dapat membantu lagi akan keperluan tenaga dalam menjayakan lagi sektor pelancongan domestik.

Sebagai kesimpulan, pelancongan domestik adalah penting dalam memperkembangkan lagi industri pelancongan negara apatah lagi setelah sempadan-sempadan negara dibuka nanti dan keadaan wabak pandemik COVID-19 sudah terkawal serta akan mampu menarik lagi pelancong dari luar negara.

Peluang pendidikan dengan saksama

PENDIDIKAN amat penting pada setiap individu kerana ia adalah penyumbang kepada peningkatan status sosioekonomi sesebuah keluarga. Melalui pendidikan, ia dapat membuka peluang kepada pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik. Malah pendidikan juga menjadi sukat-sukat kepada maju mundurnya pembangunan sesebuah masyarakat.

Kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki rakyatnya. Oleh itu, tidak hairanlah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi lebih berpeluang menikmati kemajuan ekonomi yang lebih tinggi.

Di negara kita, dengan adanya pendapatan negara yang tinggi, pihak kerajaan mampu menyediakan pendidikan yang dapat dijangkau oleh segenap lapisan masyarakat dengan menyediakan sekolah-sekolah termasuk di kampung-kampung pedalaman, sekolah-sekolah menengah, pusat-pusat tingkatan enam, pendidikan teknikal dan institusi pengajian tinggi. Perkembangan infrastruktur terutama dari segi pengangkutan, membolehkan para ibu bapa menyekolahkan anak-anak mereka dengan mudah terutama perancangan masa untuk menghantar dan mengambil mereka dari sekolah. Malah sebahagian sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi juga mempunyai kemudahan asrama bagi memudahkan pelajar terutama bagi mereka yang tinggal jauh dari sekolah atau institusi tersebut.

Pemberian Elaun Pelajaran juga sangat membantu para ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak-anak mereka di sekolah-sekolah swasta.

Apatah lagi adanya perancangan penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Daerah Temburong, setentunya membuktikan komitmen kerajaan untuk memberi peluang pendidikan terbaik dan sama rata kepada rakyat.

Malah bagi mereka yang kurang berkemampuan, pelbagai pihak di negara ini juga tidak *camah mata* terhadap kanak-kanak yang masih bersekolah. Pelbagai bantuan peralatan sekolah dihilurkan oleh pelbagai pihak antaranya pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memberikan sumbangan bantuan peralatan dan keperluan persekolahan kepada seramai 2,158 pelajar. Selain itu, terdapat juga sumbangan orang ramai yang kemudiannya diuruskan penyampaiannya oleh pertubuhan NGOs kepada golongan-golongan yang memerlukan.

Bagi anak-anak murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah, pihak kerajaan telah memperkenalkan Skim Miftaahun Najaah yang pada asalnya dikenali sebagai Program Bantuan Pendidikan (PBP) yang sudah bermula sejak tahun 2011, di mana para penuntut yang ditawarkan skim berkenaan akan dihilurkan bantuan berupa keperluan

persekolahan seperti beg, kasut, pakaian seragam, buku dan sebagainya agar mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan sempurna.

Keprihatinan seperti ini adalah bagi memastikan bahawa pelajar berbakat dan kurang berkemampuan adalah juga tidak terhalang dengan keadaan kewangan mereka.

Bagi mengukuhkan lagi jaminan agar kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan sewajarnya, dua perintah telah digubal iaitu Akta Pendidikan Wajib iaitu untuk pendidikan sekular dan Akta Pendidikan Ugama Wajib untuk pendidikan ugama. Ini semua adalah bagi mengelakkan berlakunya keciciran dalam pembelajaran.

Selain itu, dalam usaha kerajaan memberikan pendidikan yang berkualiti, penghantaran pelajar-pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut juga diadakan melalui skim biasiswa. Mereka berpeluang untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi teratas dunia.

Skim ini dihulurkan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar layak dan mempunyai kesetiaan dan komitmen yang tinggi kepada perkembangan negara. Malah turut ditekankan adalah pemilihan universiti hendaklah terdiri dari yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Kementerian Pendidikan.

Bagi pelajar yang mempunyai kelulusan sederhana mahupun agak minima, mereka juga masih berpeluang meneruskan pembelajaran mengikut kemampuan mereka. Bagi mereka yang mempunyai kelebihan dari segi kemahiran, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah menawarkan pelbagai kursus yang boleh diikuti yang tidak kurang pentingnya turut

mempunyai kepentingan kepada negara terutama dalam bidang industri.

Institusi pendidikan swasta yang turut tumbuh bagai cendawan di negara ini juga telah memberikan peluang kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Institusi ini bagaikan memberi peluang kedua kepada mereka agar mereka masih boleh meneruskan pembelajaran mereka.

Pendidikan Khas

Pada tahun 1994, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menujuhan Unit Pendidikan Khas atau lebih dikenali dengan singkatan UPK. Ini adalah bagi memberikan perhatian berterusan kepada individu berkeperluan khas.

Pada tahun 1996, kursus dan latihan bagi pengambilan pertama guru-guru pendidikan khas telah dijalankan demi untuk merealisasi Pendidikan Inklusif yang menjadi nadi ke arah Kesamarataan dalam Pendidikan atau 'Equality in Education'. Pendidikan Inklusif ini memberi peluang para pelajar berkeperluan khas untuk bersosialisasi atau bergaul bersama rakan sebaya mereka.

Golongan ini juga tidak terkecuali mencapai kejayaan akademik yang cemerlang. Ini juga adalah berkat usaha, kesabaran, ketabahan dan kegigihan serta atas kerjasama yang padu di antara UPK bersama pihak sekolah dan ibu bapa atau penjaga. Dengan kejayaan mereka mendapat Sarjana / Ijazah / Diploma dan Sijil Kemahiran, adalah diharapkan

mereka juga boleh berdikari tanpa terlalu berharap kepada pihak keluarga. Golongan ini juga berhak mendapatkan keadilan, kesamarataan dan tidak wajar bagi kita mengelepik mereka.

Dalam menuju ke arah Wawasan Brunei 2035, kerajaan akan terus melabur untuk rakyatnya dengan memberikan akses yang setara dan adil terhadap pendidikan yang bukan sahaja dapat memenuhi keperluan individu, tetapi juga mengembangkan generasi muda yang dilengkapi dengan kemahiran Abad Ke-21 dengan menerapkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja agar mereka bersedia pada masa hadapan.

Pendidikan yang baik menjadi keutamaan bagi kita untuk membangunkan negara dan menampung keperluan tenaga manusia. Sumber tenaga manusia yang diharapkan bukan hanya mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi bahkan juga memerlukan beberapa aspek penting seperti nilai kepimpinan yang cemerlang, berfikiran kritis, kebolehan untuk berkomunikasi dan mempunyai ciri-ciri yang mampu bertahan dalam mendepani pelbagai cabaran.

Dengan adanya usaha-usaha pihak kerajaan memperkasa bidang pendidikan yang saksama di negara ini, peluang-peluang yang ada harus diambil oleh rakyat agar kualiti hidup dapat diperbaiki terutama dalam menuju Wawasan Brunei 2035.

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan



KEDAULATAN merupakan perkara asas dalam sesebuah negara. Kedaulatan amat penting kerana ia dianggap satu aset bagi mempertahankan kemerdekaan dan ketuanan negara supaya tidak dijajah. Untuk mempertahankan kedaulatan tersebut, rakyat perlu memiliki sikap sensitif mengenai soal keselamatan supaya kerajaan dapat menangani apa juga ancaman dari dalam dan luar negara.

Kita juga sedia maklum bahawa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) antara pasukan yang menjadi benteng negara di dalam menjaga kestabilan juga keamanan negara dan kini dengan adanya satu lagi pasukan yang juga mampu menjadi pemangkin di dalam menjaga keselamatan negara iaitu Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) juga dilihat mampu menjadi benteng keselamatan apabila mereka ini turut dilatih dan dididik untuk mendepani ancaman yang boleh menggugat kestabilan negara. PKBN memainkan peranan mereka sebagai 'mata, telinga dan tangan kerajaan' bagi pertahanan negara seterusnya di dalam menjamin kehidupan yang aman dan tenteram selain adanya ABDB dan PPDB bagi menjaga keselamatan negara.

Sebagai negara merdeka, Negara Brunei Darussalam tidak akan berkompromi dengan isu berkaitan kedaulatan dan perlu meningkatkan sistem pertahanan yang boleh menangkis segala bentuk ancaman mendatang. Ancaman keselamatan ini perlu dilihat daripada pelbagai sudut iaitu dalaman dan luaran serta ancaman konvensional dan sebaliknya, malah ia muncul dari semasa ke semasa. Kita juga selaku rakyat seharusnya berasa megah sebagai satu bangsa di negara ini dan sentiasa mencari titik kebersamaan bagi mewujudkan perpaduan dan keharmonian yang berkekalan.

Semua pihak perlu terus memastikan negara ini bebas daripada kekacauan, huru-hara serta gejala yang boleh menggugat keamanan kerana kedaulatan negara yang dikecap hari ini tidak datang secara bergolek.

Kedaulatan negara juga adalah tanggungjawab bersama kita sebagai rakyat di negara ini di dalam pendekatan berterusan kita memperkasakan pertahanan negara bagi melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan serta keutuhannya. Menyentuh cabaran isu keselamatan global, Negara Brunei Darussalam dengan adanya badan-badan keselamatan terutama ABDB sewajarnya bersedia melengkapkan organisasi dengan aset pertahanan terkini sejarah kecanggihan teknologi pertahanan masa kini. Keperluan aset atau alat canggih ialah persediaan pertahanan penting, bukan berperang semata-mata juga perlu bersedia dari segi sumber tenaga manusia kompeten bagi memenuhi keperluan diplomasi ketenteraan yang mampu melakukan hubungan baik dengan negara jiran dengan tujuan membina keyakinan dan kebolehpercayaan.

Ini sekali gus wujud jaminan sentiasa berkomunikasi dan menghindarkan kecurigaan, selain menjadi 'jiran baik' serta saling mempertahankan kedaulatan dan rasa hormat antara negara. Jika ini dapat dibina, sudah pasti isu keselamatan dapat dipertingkatkan, selain memacu kemajuan dan pertumbuhan ekonomi lebih pesat.

Dalam suasana khususnya cabaran pandemik COVID-19, yang kini melanda dunia tidak terkecuali negara kita, ABDB, PPDB turut berperanan penting dalam tugasannya, selain mempertahankan negara dari ancaman musuh luar yang cuba menggugat keamanan negara, dan kini kedatangan pandemik COVID-19 ini juga merupakan musuh kepada negara dan rakyat dan ini juga menjadi tanggungjawab ABDB dan PPDB di dalam membantu memerangi wabak ini iaitu perang disebut sebagai 'Military Operations Other Than War'.

Petugas ABDB dan PPDB sebagai barisan hadapan banyak membantu agensi-agensi lainnya di dalam memantau dan memastikan orang awam mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Ini juga antara tanggungjawab mereka menjaga keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan negara dan rakyat namun kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini juga tidak sepantasnya meletakkan

Kedaulatan negara tanggungjawab bersama



beban tanggungjawab menjaga keamanan dan kesejahteraan negara di bahu mereka bahkan kita perlu sama-sama berganding bahu membanteras dan menjaga musuh yang cuba datang menggugat negara.

Selain kita mempertahankan kedaulatan negara dengan bersandarkan kepada pertahanan dari segi ketenteraan, kedaulatan juga dikekalkan dengan adanya hubungan antarabangsa. Negara kita berdaulat kerana berupaya mengawal hal ehwal dalam negeri dan kebebasan mengadakan hubungan luar atau hubungan serantau melalui dasar luar. Dasar luar ialah hubungan sesebuah negara dengan negara-negara lain. Negara kita Brunei Darussalam mengamalkan dasar luar dengan tujuan menjamin kedaulatan dan keselamatan negara. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Negara Brunei Darussalam mengutamakan semangat kerjasama dan berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik. Oleh itu negara kita memerlukan dasar luar yang dapat mengekalkan hubungan baik dengan semua negara. Dari segi politik pula Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan hampir semua negara yang merdeka dengan melantik wakil-wakil khas dan

menubuhkan kedutaan serta mengadakan lain-lain hubungan politik.

Selain itu sikap bersatu padu juga harus dipupuk bagi mengekalkan kedaulatan sesebuah negara. Kedaulatan negara menekankan perpaduan rakyat kerana hanya dengan perpaduan sahaja kedaulatan dapat dikekalkan. Perpaduan masyarakat adalah prasyarat kepada pembentukan sebuah negara.

Kedaulatan negara menjadi perkara terpenting yang perlu dijaga. walaupun Negara Brunei Darussalam hanya sebuah negara kecil aspek berkenaan menjadi tanggungjawab semua warganegara. Bagi menjaganya, ia tidak sepatutnya digalas atas bahu anggota keselamatan semata-mata. Sebaliknya semua rakyat perlu bergandingan bagi memastikan kedaulatan tersebut dapat dikekalkan. Sebagai warga yang prihatin, selaku rakyat kita haruslah memahami dan memandang serius isu kedaulatan negara. Semoga kesedaran rakyat terhadap keselamatan dan kedaulatan negara menjadi titik tolak untuk sama-sama peka terhadap pengurusan pertahanan serta isu keselamatan dalam pelbagai dimensi dan tidak menyerahkan kepada organisasi tentera sahaja kerana sesungguhnya kedaulatan negara adalah tanggungjawab bersama.



Belia terus cemerlangkan imej negara



ALHAMDULILLAH, rasa syukur terus dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan izin-Nya jua Negara Brunei Darussalam dalam beberapa hari sahaja lagi akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-37 ketika dunia terus berjuang menangani pandemik COVID-19, termasuklah negara bumi tercinta ini.

Dalam hasrat membangun negara, kita bukan hanya bergantung kepada kemantapan ekonomi semata-mata bahkan juga kepada sumber tenaga manusia yang antaranya adalah golongan belia. Sering kali kita mendengar ungkapan bahawa belia adalah aset negara yang amat berharga dan merupakan tonggak serta kekuatan masa depan bagi sesebuah negara. Hal itu setentunya tidak dapat disangkal lagi kerana golongan belia ini golongan yang bakal menjadi pemimpin negara, yang diharap-harapkan

dapat mencemerlangkan imej negara di mata dunia.

Belia merupakan golongan yang mempunyai ketahanan dan kekuatan fizikal dan mental. Penglibatan mereka dalam organisasi-organisasi merupakan satu platform untuk mendedahkan mereka kepada peranan dan tanggungjawab sebagai seorang warganegara. Antara penglibatan belia tanah air yang menonjolkan nama negara ialah penyertaan belia tempatan dalam Program Sukarelawan ASEAN Young Professionals Volunteer Corps (AYPVC) bersama para sukarelawan daripada negara anggota ASEAN. Melalui program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan telah diluluskan pada tahun 2013 pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Belia Kali Ke-8 (8th AMMY) di Bandar Seri Begawan ini, para belia

diharap akan dapat meningkatkan semangat kerjasama dan bersatu padu dalam kalangan anak-anak muda melalui kerja-kerja kemasyarakatan pada peringkat akar umbi. Penglibatan belia negara bukan hanya terhad di peringkat ASEAN sahaja, malahan ramai belia *kitani* telah mengharumkan nama negara dengan melakukan aktiviti kesukarelawan di peringkat antarabangsa. Penglibatan itu juga menunjukkan sikap keprihatinan golongan belia dalam membantu golongan yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. Sikap seperti inilah yang dimahukan oleh pemimpin bumi Darussalam ini, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8, Tahun 2013 :

"Dalam bidang kerja-kerja sukarelawan, beta sungguh bangga kerana ramai para belia kita terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan, baik di dalam maupun di luar negara. Lebih-lebih lagi Negara Brunei Darussalam telah mempelopori ASEAN Young Professional Volunteer Corps untuk memberikan khidmat sukarelawan di dalam pelbagai bidang kepada masyarakat dalam negara-negara ahli yang memerlukannya."

"Budaya sukarelawan ini sangat elok, kerana ia bukan saja dapat meningkatkan perpaduan dan persefahaman, malah juga boleh mendatangkan pahala."

"Beta berharap semua langkah-langkah yang berkebaikan ini akan terus diperkasakan sehingga mencapai kecemerlangannya".

Belia aktif membantu pelbagai pihak ketika negara, seperti manfaat negara-negara lainnya, berdepan dengan pandemik COVID-19. Bantuan dan khidmat yang mereka berikan tanpa meminta apa pun imbalan jelas menunjukkan sikap belia *kitani* yang memiliki nilai-nilai murni, sikap yang

menjadi kebanggaan negara. Selain skop kesukarelawan, belia negara juga mencemerlangkan nama negara dengan penyertaan dalam pelbagai pertandingan di luar negara, baik dalam bidang seni kreatif, kesukanan, keusahawanan, keagamaan dan banyak lagi. Ini jelas mengambarkan sifat belia *kitani* yang ingin bersaing memajukan diri dan dengan menyertai pertandingan-pertandingan sedemikian setentunya secara tidak langsung mereka akan sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik. Apa yang juga membanggakan negara bilamana belia-belia tempatan *kitani* ramai yang telah mendapat pengiktirafan luar negara dengan menerima anugerah-anugerah berprestij yang sekali gus mencemerlangkan nama Brunei Darussalam di mata dunia.

Ketika dunia kini berdepan dengan pelbagai cabaran yang hebat yang setentunya mempengaruhi cara hidup, kerja dan masa depan kita, belia *kitani* yang merupakan harapan bangsa dan negara hendaklah sentiasa siap siaga dan menyumbang secara proaktif agar terus mencemerlangkan tanah air.

Dengan mengambil suku baik sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-37 Negara Brunei Darussalam, marilah para belia / belianis negara menanamkan azam untuk menjadi belia yang proaktif dalam menyumbang kepada negara dengan memberikan yang terbaik bagi membentuk masa depan dan mencemerlangkan tanah air kita yang tercinta.



Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan,
Ihsan Pg. Haji Ahmad Fadillah Akhbar
Pg. Haji Sellahuddin



Pendidikan agama benteng generasi belia Islam menghadapi keruntuhan akhlak

PADA zaman sekarang, kita sering mendengar pelbagai masalah keruntuhan akhlak berlaku dalam kalangan generasi muda dan seperti di negara-negara lain, masyarakat kita hakikatnya juga tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran atau masalah sosial, disebabkan oleh kerapuhan institusi keluarga dan kurangnya pendidikan agama.

Ini dapat dilihat dengan seringnya berlaku kes-kes perceraian, keganasan rumah tangga, pengabaian keluarga dan warga tua, keruntuhan moral dan akhlak, kanak-kanak muda belia yang lari dari rumah serta sukar dikawal, kes-kes khalwat dan pencabulan merupakan antara manifestasi dari kelemahan institusi keluarga.

Selain dari itu, kita juga pernah dikejutkan dengan beberapa kes penganiayaan dan pengabaian keluarga yang tersebar melalui media massa dan media sosial contohnya kes penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa yang menyalahgunakan dadah, kes kanak-kanak kurang upaya yang terabai dan juga kes pembuangan anak damit. Tidakkah ini membimbangkan kita selaku warga dan masyarakat Brunei? Bagaimana perkara sedemikian boleh terjadi? Apakah punca dan sebabnya?

Apa yang lebih mengecewakan ada kenyataan tentang isu atau gejala sosial serta keruntuhan akhlak ini turut melibatkan kalangan pelajar di sekolah rendah dan menengah, ponteng sekolah, suka buli-membuli, mencuri, membawa barang tegahan, berkumpulan atau geng, peras ugut, merokok dan sebagainya.

Walau bagaimanapun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri memang tidak pernah *camah mata* untuk mengatasi masalah ini, kerana melalui pelbagai pihak berkepentingan yang lain terdiri dari Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) yang ditubuhkan sejak tahun 2008 serta khidmat Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan

Kementerian Pendidikan, telah dan akan terus mengadakan dan mengatur pelbagai usaha dan strategi ke arah pencegahan dan perawatan masalah itu di samping turut menyediakan dasar, akta atau pelan tindakan bagi mengenal pasti isu-isu sosial yang berlaku di negara ini agar dapat diselaraskan dan diambil tindakan.

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara Islam yang berkONSEP Melayu Islam Beraja. Berdasarkan konsep ini, masyarakat Brunei telah mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang diwarisi sejak 600 tahun lalu, dan sistem pemerintahan beraja yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, yang dihayati dengan baik dan membawa kebaikan serta kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Justeru, negara kita adalah sebuah negara yang amat mementingkan hidup berkeluarga berlandaskan nilai-nilai yang murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh, kerana kita menyedari institusi keluarga memegang peranan paksi dan teras dalam memperkuuh dan memantapkan lagi kesejahteraan dan kebajikan masyarakat, dan seterusnya akan turut menyumbang ke arah keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

Selain itu pendidikan ugama juga sangat penting bagi semua rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini. Dalam pendidikan ugama sahaja seseorang Muslim diajarkan tentang Rukun Iman dan Rukun Islam dan melalui pendidikan ugama ini juga secara

tidak langsung akan mewujudkan masyarakat yang harmonis, memiliki nilai-nilai akhlak yang mulia seperti saling menghormati dan berbudi pekerti yang tinggi.

Oleh yang demikian, melalui pendidikan ugama ini anak-anak muda akan dididik dengan ilmu agama dan nilai-nilai murni sebagai benteng mereka menjalani kehidupan yang penuh mencabar, dan di negara kita sahaja, Kebawah DYMM amat menitikberatkan agar setiap rakyatnya dilengkapi dengan pendidikan ugama.

Oleh yang demikian, baginda telah memperkenankan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 menerusi titah baginda pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 2012 yang lalu dan pelaksanaan perintah berkenaan juga menepati hasrat negara untuk menerapkan dasar pendidikan akademik yang diimbangi dan diperkuuhkan dengan mewajibkan setiap murid dan penuntut beragama Islam menghadiri sekolah ugama selama enam tahun, di samping sekolah biasa.

Di samping itu, sembahyang juga adalah sebagai penyelamat, maka kita perlu untuk memastikannya agar ianya menjadi tonggak kepada sekolah-sekolah ugama, sebagaimana titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Negara bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015. Masihi yang antara lain bertitah melahirkan rasa sangat gembira mengetahui, bahawa murid-murid di sekolah ugama sedang diterapkan dengan pelbagai aktiviti keagamaan.

Penerapan tersebut dalam titah baginda, termasuklah dalam membuat catatan atau rekod menunaikan sembahyang dengan tujuan supaya murid-murid itu benar-benar terdedah kepada ibadat tersebut dan konsisten melakukannya, namun perkara yang sama boleh saja dilaratkan juga kepada sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi untuk memberikan ruang masa yang khas kepada para penuntut dan mahasiswa bagi menghayati kewajipan tersebut.

Sebagaimana Allah telah menegaskan perkara ini dalam Surah Al-Ankabut ayat 45, tafsirnya : "Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar." Firman Allah itu adalah isyarat bahawa ibadat sembahyang itu adalah benar-benar berperanan sebagai penyelamat, bukan sahaja menyelamatkan diri kita daripada api neraka, malahan juga menyelamatkan umat daripada terjerumus kepada kemungkaran dan keruntuhan akhlak.

Selain itu pendidikan ugama juga amat penting untuk dititikberatkan dalam kalangan warga dan masyarakat, tidak hanya tertumpu kepada golongan muda belia dan anak-anak muda, namun wajar kepada semua peringkat umur.

Ini kerana signifikan dengan realiti masyarakat pada hari ini yang sering berdepan dengan ancaman dari pelbagai gejala sosial terutama isu-isu penyalahgunaan dadah, keruntuhan akhlak serta keruntuhan institusi keluarga dan sebagainya, jadi berbaliklah kita pada Al-Quran yang mengajarkan kita amalan-amalan tertentu, selain juga sebagai benteng untuk kita mencegah dari segala jenis ancaman itu tadi.

Al-Quran bukan sahaja untuk dihayati inti sari pengajaran yang dibawanya, malah Al-Quran itu sendiri merupakan panduan hidup kita, di samping menjadikannya sebagai amalan kehidupan serta pendinding dari segala ancaman perkara-perkara negatif, ajaran-ajaran yang ada di dalam Al-Quran itu juga merupakan mukjizat Allah yang dapat menyembuhkan segala penyakit, oleh demikian kita jadikanlah Al-Quran itu sebagai pegangan dan senjata untuk menentang gejala-gejala negatif termasuklah gejala sosial, keruntuhan akhlak dan penyalahgunaan dadah.

Walau bagaimanapun, didikan agama yang bermula dari rumah amat memainkan peranan yang penting dan memberikan impak yang besar kepada anak-anak. Justeru penerapan nilai-nilai agama adalah sepatutnya bermula dari ibu bapa itu sendiri dalam melaksanakan tugas mendidik anak lebih-lebih lagi dalam penerapan nilai-nilai rohaniah serta keagamaan dalam kalangan diri anak-anak itu sendiri.



Sijil Halal Brunei pastikan peluang pasaran halal global berkembang

SIJIL Halal adalah satu pengiktirafan pensijilan halal rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Bagi mendapatkan Sijil Halal MUIB, pemohon yang mempunyai pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan dan bukan makanan hendaklah membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bahagian Kawalan Makanan Halal ditubuhkan pada 22 Januari 2001 yang mana pada masa itu dikenali sebagai Bahagian Halal Haram. Penubuhan Bahagian Halal Haram ini adalah berikutan titah sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 1997 :

“...Maka di akhir-akhir ini timbul pula kekhawatiran terhadap makanan dan minuman serta barang-barang gunaan yang dikhawatiri bercampur dengan bahan-bahan yang haram, termasuk kekhawatiran khusus mengenai dengan daging-daging import yang sedang beredar di pasaran pada masa ini.

Dalam konteks ini sudah tiba masanya bagi pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu badan seumpamanya selaku pihak yang mengawal halal bahan-bahan makanan dan minuman, termasuk segala jenis daging serta lain-lain barang gunaan di negara ini...”.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah selaku urusetia kepada MUIB telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan dua undang-undang iaitu :

- (1) Akta Daging Halal, Penggal 183 dan Aturan-Aturannya -

Akta tersebut mengawal selia kemasukan, pengedaran dan penjualan daging-daging mentah halal di Negara Brunei Darussalam. Ia diwartakan pada 26 September 1998 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008.

(2) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 iaitu Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 telah diwartakan pada 28 Mei 2005 yang mana perintah ini memperuntukkan pengawalseliaan pengeluaran Sijil Halal dan permit Halal yang berkaitan dengan produk halal dan perkhidmatan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersimpangan dengannya. Dan perintah ini mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008.

Pengiktirafan

Pensijilan Halal MUIB diiktiraf oleh negara-negara jiran seperti negara-negara anggota MABIMS (Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura) melalui Bidang kerjasama 8 iaitu Memperkasa Penyelarasan Halal MABIMS melalui program mempromosikan pengiktirafan pensijilan halal negara MABIMS. Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil kelebihan pengiktirafan ini untuk membantu memajukan ekonomi negara dan memudahkan proses pengurusan perdagangan rentas sempadan.

Selain daripada itu, penciptaan jenama Brunei Halal yang merupakan projek kerajaan yang diusahakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan telah pun berada di peringkat pasaran antarabangsa.

Usaha tersebut dilihat sebagai satu usaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam tidak bergantung tinggi sepenuhnya kepada pengeluaran minyak dan gas dan itu adalah salah satu cara untuk mempelbagaikan lagi ekonomi Brunei.

Secara amnya Sijil Halal dapat memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada semua peringkat pengguna khususnya pengguna yang beragama Islam mengenai hal kepenggunaan produk barang makanan dan bukan makanan bahawa produk-produk yang dijual di pasaran telah melalui prosedur pemeriksaan daripada aspek kehalalannya dan juga aspek kebersihan.

Selain daripada itu, Sijil Halal juga dianggap sebagai salah satu *marketing strategy* kerana rata-rata pengguna lebih cenderung memilih produk yang mempunyai Sijil Halal lebih-lebih lagi kepada produk yang memaparkan tanda halal pada bungkusannya.

Begini juga dengan Pensijilan Halal Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), pensijilan halal ini membawa keyakinan dan kepercayaan bukan sahaja kepada umat Islam, tetapi juga boleh memberi jaminan kepada pasaran bukan Islam tentang aspek kebersihan dan kualiti produk-produk yang mempunyai pengiktirafan halal daripada MUIB kerana produk-produk yang dihasilkan telah menjalani prosedur yang sangat ketat sepertimana yang digarisaskan di dalam garis-garis panduan dan kehendak-kehendak di bawah pensijilan ini.

Prosedur

Secara amnya, kesemua barang makanan yang dieksport ke luar negara adalah tertakluk kepada persyaratan yang ditetapkan oleh negara produk tersebut dieksport dan salah satu persyaratan tersebut adalah penerimaan pensijilan MUIB dan patuh dengan sebarang piawaian yang digunakan di negara tersebut.

Bagi setiap permohonan Sijil Halal dan Permit Halal, akan dilantik beberapa juruaudit yang akan menjalankan Audit Pematuhan ke premis dan kilang pemprosesan makanan (dan bukan makanan) untuk memastikan pemohon mematuhi piawaian, garis-garis panduan, kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang disebutkan dalam Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Laporan Audit akan dimesyuaratkan untuk mendapatkan pertimbangan permohonan Sijil Halal dan Permit Halal.

Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017 telah memperuntukkan pindaan signifikan yang mengubah senario pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam.

Pindaan-pindaan terkini telah menjadikan sebahagian besar kategori permohonan menjadi wajib (*mandatory*) seperti premis penyediaan makanan seperti restoran, gerai makan dan *food court* dan kilang pemprosesan makanan atau minuman dan perusahaan produk makanan yang diedarkan.

Dengan adanya pensijilan ini, ia dapat memelihara masyarakat kita memakan makanan yang halal tanpa ragu. Semoga usaha ini sentiasa berpanjangan dan mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



Menegakkan syiar Islam menuju negara berkat



KEUNGGULAN syiar Islam di Negara Brunei Darussalam ini terus bersinar, dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai raja dan ketua agama di negara ini. Baginda berjaya mengekalkan sistem pemerintahan Islam yang terus berdiri kukuh setanding dengan negara-negara lain di rantau ini dengan menikmati kesejahteraan, kemakmuran dan kemajuan yang dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat dan penduduk di negara ini.

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara Islam yang berkONSEPkan Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara. Menerusi konsep ini, masyarakat di negara ini telah mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang diwarisi sejak 600 tahun yang lampau. Sistem pemerintahan beraja yang dilaksanakan berdasarkan kepada agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, yang membawa kebaikan serta kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa mengurniakan titah Pengisytiharan Kemerdekaan pada 1 Januari 1984 "Dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah".

Di samping itu, ke arah

mengukuhkan lagi syiar Islam di negara yang kita cintai ini, pembinaan institusi masjid merupakan aspek yang amat penting kerana ia memainkan peranan dalam pembangunan agama, umat dan juga kepimpinan negara. Dengan berdirinya sebuah masjid itu, menunjukkan bahawa syiar Islam itu telah berkembang menuju negara berkat.

Negara Zikir

Sebagaimana hasrat dan azam suci Kebawah DYMM untuk mewujudkan sebuah negara yang aman sejahtera di bawah keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, kita sebagai hamba-Nya wajib mentaati perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta berdiri teguh di bawah kepimpinan raja yang sentiasa membawa ke jalan yang benar.

Ini selaras dengan titah baginda pada tahun 2007, "Beta ingin mengingatkan bahawa mensyukuri nikmat keamanan dan kemakmuran bukanlah dengan asyik bersenang-senang dan bermewah-mewah saja, tapi hendaklah jangan lupa siapa

yang empunya nikmat itu. Jadi janganlah lupa Allah, kita tatang keamanan dan kemakmuran sambil mengingati Allah dengan sebanyak-banyaknya".

Kebawah DYMM semasa bertitah pada Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2007, "Beta insyaaAllah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya, "Kamu ingat Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula". Dengan menjadi Negara Brunei Darussalam, sebagai Negara Zikir maka kita sekali gus akan mewujudkan satu kehidupan dalam sebuah negara yang diimpikan iaitu Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur demi mengukuhkan lagi ketakwaan dan keimanan pada Allah Subhanahu Wata'ala.

Undang-Undang Syariah

Hukum Syariah itu mempunyai

kehebatan yang tersendiri kerana keunggulan dan kepentingan Undang-Undang Syariah memang tidak dapat disanggalkan kerana ia adalah undang-undang terbaik. Maka dengan itu adalah menjadi tanggungjawab kita yang beragama Islam untuk menjaga kesuciannya dan ia tidak diubah suai sesuka hati semata-mata menurut kehendak manusia.

Kebawah DYMM semasa bertitah merasmikan Seminar Antarabangsa Perundungan Islam Tahun 2011, agar Akta Undang-Undang Jenayah Syara' diwujudkan dan dilaksanakan serta mendapat perhatian yang serius dan segera. Dalam titah baginda menegaskan, bahawa kita tidak boleh lagi berkata tidak atau tunggu dulu memandangkan Undang-Undang Jenayah Syara' sudah mencukupi segala-galanya.

Titah baginda, "Dalam makna, akta jenayah syara' adalah diperlukan, sementara akta civil biasa, masih saja tidak diketepikan".

Oleh itu, di sini jelas bahawa pihak-pihak berkenaan perlu terus memberikan bentuk penghayatan dan kefahaman mengapa Undang-Undang Syariah itu mestilah dilaksanakan, di samping memahami keperluan dan kebaikan daripada pelaksanaan tersebut. Apatah lagi Undang-Undang Syariah itu sangat mementingkan keadilan iaitu pokok pangkal kepada mana-mana sistem undang-undang.

Pendidikan Ugama

Syar Islam terus berdiri tegak dengan menitikberatkan pendidikan ugama sebagai asas bagi kehidupan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini. Menerusi pendidikan agama ini secara tidak langsung akan mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai akhlak yang mulia dan berjiwa murni kerana dengan pendidikan ugama ia boleh dijadikan sebagai benteng dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran.

Baginda amat menitikberatkan agar setiap rakyatnya dilengkap dengan pendidikan ugama dengan memperkenankan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah DYMM pada Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 Tahun 2012, "Sangat perlu diperhatikan, bahawa dalam pendidikan itu terdapat dua unsur iaitu Ugama dan Ummum. Orang-orang sering lupa dan malah terlajak mengutamakan yang Ummum sahaja, sehingga tertinggal atau tercicirlah Ugama".

Dengan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 ia merupakan cara agar anak-anak di negara ini tidak akan tercicir dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam dan tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Quran.



Peranan masyarakat dalam menyokong kegiatan kesihatan yang mampan



KESIHATAN adalah tanggungjawab semua. Oleh itu, penjagaan makan dan minum adalah amat penting sebagaimana juga dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Araf, ayat 31 yang berbunyi : "Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf) serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Ayat tersebut menunjukkan betapa pengambilan makanan dan minuman yang berlebihan adalah tidak disenangi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Seseorang yang tidak menjaga kesihatan dirinya adalah tidak berlaku adil kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat kerana mendedahkan dirinya kepada risiko penyakit. Walhal negara sangat memerlukan rakyat yang sihat dan produktif demi untuk membina negara yang makmur dan mampu berdaya saing.

Berbeza pada hari ini sejak dunia dilanda pandemik COVID-19 di mana orang kitani sudah makin banyak melakukan aktiviti riadah, berlari, mendaki, senamrobik, berjalan selesap Subuh atau selepas kerja, berbasikal dan sebagainya.

Lebih ketara lagi pada setiap pagi Ahad, di mana ahli-ahli keluarga dan individu beramai-ramai memeriahkan Program Bandarku Ceria.

Program berkenaan dihasratkan bukan sahaja untuk mewujudkan gaya hidup sihat malahan membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan dan memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan serta menyediakan platform bagi pembangunan usahawan-usahawan baharu di negara ini. Perkara ini adalah satu perkembangan positif yang perlu kita pertingkatkan lagi.

Program Bandarku Ceria yang merupakan satu contoh baik, di mana pendekatan secara Whole of Nation bahkan *whole of society* adalah lebih berkesan dan *sustainable*. Pihak kerajaan hanya memainkan peranan sebagai pemudahcara (*facilitator*), manakala individu, persatuan dan kumpulan-kumpulan yang berkenaan adalah peneraju sebenar dalam memastikan Bandarku Ceria ini sentiasa hidup dan meriah di setiap hari Ahad.

Apa yang lebih menggembirakan lagi ialah program tersebut telah dilaratkan lagi ke setiap daerah di negara ini. Inilah yang kita mahukan, di mana inisiatif positif seperti ini menjadi tanggungjawab semua.

Peranan persekitaran dan rakan-rakan sekeliling mempunyai pengaruh besar

dalam menentukan sama ada seseorang itu dapat mengubah cara hidup dan pemakanan beliau. Oleh itu kaedah *behavioural insight* atau pun kefahaman tingkah laku adalah menarik untuk digunakan. Sebagai contoh, penyediaan pilihan secara tersedia (*default option*) akan mempengaruhi kelakuan ataupun keputusan tindak-tanduk seseorang. Penyediaan hanya buah-buahan, kopi tanpa gula ataupun air semasa mesyuarat sudah setentunya akan secara automatik memberikan pilihan sihat kepada yang hadir.

Begini juga penutupan lif akan membiasakan penghuni bangunan untuk menaiki tangga. Dalam erti kata lain, usaha untuk mempengaruhi (*nudging*) kelakuan seseorang itu akan memerlukan penyediaan pilihan dan persekitaran yang mudah (*easy*), menarik (*attractive*), sosial dan tepat pada masanya (*timely*).

Apabila kesihatan dibudayakan (*culture of health*), semua aspek kehidupan akan memastikan kesihatan sentiasa diutamakan baik dari segi pemakanan, persekitaran, pendidikan, pekerjaan mahu pun pergaulan. Setiap individu, masyarakat, agensi kerajaan dan swasta akan memainkan peranan masing-masing, di mana apa jua tindakan dan dasar akan dibuat demi memastikan kesihatan serta gaya hidup sihat akan dapat dipupuk bersama.

Tetapi sebelum melakukan apa-apa kegiatan fizikal, adalah disarankan untuk mengetahui status kesihatan; mulakan dengan intensiti mengikut kemampuan diri; pakai pakaian yang sesuai yang dikhaskan untuk bersukan; amalkan meminum air putih; pastikan keadaan sekeliling selamat; dan rancang masa bila dan di mana.

Bagi orang dewasa, masa untuk melakukan kegiatan fizikal adalah 150 minit setiap minggu dan bagi golongan remaja dan kanak-kanak 60 minit setiap minggu yang dilengkapi dengan dua kali seminggu penguatan otot.

Semua jenis kegiatan fizikal yang mempunyai *moderate intensity* adalah seperti berjalan; berkebun; mendaki; menari; berbasikal; berenang dan apa sahaja jenis sukan rekreasi *outdoor* yang dilakukan.

Kelebihan sentiasa aktif boleh meningkatkan kecerdasan jantung, paru-paru dan memperbaiki sistem peredaran darah; meningkatkan kecekapan pergerakan dan kelembutan badan; memperbaiki tonus dan postur; menambah kekuatan dan daya tahan otot; dan membantu mengawal berat badan dengan lebih baik.





Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Ke-
37 Tahun

Warga Jabatan Penerangan Mengucapkan
Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke - 37

